

## **PERSEPSI PELAJAR TINGKATAN EMPAT TERHADAP PELAKSANAAN PENTAKSIRAN BERASASKAN KERJA KURSUS DALAM MATA PELAJARAN PRINSIP PERAKAUNAN.**

*Rathimalar A/P Balasingam, Nor Hayati Alwi  
Fakulti Pengajian Pendidikan, Universiti Putra Malaysia*

### **Abstrak**

Tujuan utama kajian ini adalah untuk meneroka persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Selain itu, kajian ini juga dijalankan untuk meneroka persepsi pelajar Tingkatan Empat terhadap tempoh masa yang diberikan dalam melaksanakan kerja kursus, elemen-elemen yang ditaksir dalam kerja kursus dan kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak sekolah untuk melaksanakan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Kajian ini dijalankan dalam bentuk kualitatif menggunakan kaedah temu bual tidak formal yang mengandungi soalan-soalan 'open-ended' ditujukan kepada pelajar. Soalan-soalan ini adalah berasaskan isu-isu yang dihubungkan dengan objektif kajian ini. Analisis dibuat daripada maklum balas yang diberikan oleh kesepuluh responden yang melaksanakan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Responden yang ditemu bual terdiri daripada tujuh orang pelajar perempuan dan tiga orang pelajar lelaki yang menuntut di Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Laut, Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Sepat, Sekolah Menengah Kebangsaan Jugra, Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datok dan Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Panglima Garang, Selangor. Dapatan Kajian menunjukkan bahawa seramai lapan daripada sepuluh responden yang ditemubual menyatakan bahawa tempoh masa selama dua bulan (8 minggu) yang diberikan untuk pelaksanaan kerja kursus adalah tidak mencukupi. Kesemua sepuluh responden yang ditemubual juga menyatakan bahawa elemen-elemen yang ditaksir di dalam kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan adalah terlalu banyak dan berkait antara satu sama lain. Kesemua sepuluh responden yang ditemubual menyatakan bahawa kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak sekolah seperti komputer dan alat pencetak adalah tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, menurut responden-responden ini bekalan kertas A4 yang disediakan oleh pihak sekolah untuk penyediaan kerja kursus Prinsip Perakaunan adalah mencukupi. Secara keseluruhannya kajian ini dapat memberi banyak informasi tentang masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pelaksanaan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

### **Pengenalan**


Pendidikan di Malaysia adalah satu usaha berterusan untuk mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk melahirkan insan yang berilmu pengetahuan, berkecakapan, berakhlak mulia, bertanggungjawab dan dapat memberi sumbangan kepada keluarga, masyarakat dan negara (Pusat Perkembangan Kurikulum, 2002). Sistem pendidikan yang mantap berupaya melahirkan modal insan yang berwibawa, berpengetahuan luas, berkemahiran dan berkecakapan. Sistem pendidikan harus mampu membangunkan modal insan yang bersifat progresif, menyeluruh, bermoral dan beretika tinggi (Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan, 2006).

### **Mata Pelajaran Prinsip Perakaunan Di Malaysia**

Prinsip Perakaunan merupakan salah satu daripada mata pelajaran elektif yang ditawarkan untuk pelajar Tingkatan Empat dan Lima dalam Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (KBSM) di bawah kumpulan Teknik dan Vokasional (Kementerian Pelajaran Malaysia, 2005).

### **Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS)**

Bermula tahun 2007, Kementerian Pelajaran Malaysia (KPM) di bawah tanggungjawab Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) telah memperkenalkan sistem baru iaitu Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dalam menjalankan penilaian ke atas peningkatan pembelajaran pelajar. Sistem ini merupakan satu bentuk pentaksiran yang dilaksanakan di sekolah. Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) dirancang, ditadbir, diskor dan dilaporkan secara terancang mengikut prosedur yang telah ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM). Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) menyediakan instrumen yang merangkumi piawai, kriteria dan



panduan dan peraturan untuk membolehkan calon mengukur tahap penguasaan pengetahuan, kemahiran dan nilai (Bahagian Pembangunan Kurikulum Kementerian Pelajaran Malaysia 2009).

### **Kerja Kursus Prinsip Perakaunan**

Mulai tahun 2010, calon Sijil Pelajaran Malaysia yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan sebagai salah satu mata pelajaran elektif dikehendaki melaksanakan tugas projek sebagai satu daripada keperluan persijilan. Tugas ini dinilai sebagai Kertas 3. Markah bagi kertas 3 ini diambilkira dan sistem pemarkahan peperiksaan SPM bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan (Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia, 2010). Pentaksiran Berasaskan Sekolah (PBS) bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan adalah berbentuk pentaksiran kerja kursus yang menilai proses dan hasil kerja kursus pelajar di Tingkatan Empat dan Lima. Pentaksiran kerja kursus adalah bersifat formatif iaitu mengutamakan kemajuan setiap pelajar dari segi proses peningkatan pembelajaran (Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Projek, 2011).

### **Pelaksanaan Kerja Kursus Prinsip Perakaunan**

Tugas projek bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan bagi pelajar Tingkatan Empat akan bermula pada bulan Ogos hingga September manakala bagi pelajar Tingkatan Lima bermula pada bulan April hingga Mei setiap tahun (Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Projek, 2011). Pentaksir bagi tugas projek ini terdiri daripada guru yang mengajar mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Penilaian projek ini merupakan sebahagian daripada proses pengajaran dan pembelajaran. Penilaian akan dibuat berdasarkan proses kerja dan hasil kerja akhir calon. Penilaian proses kerja calon dan pemberian skor akan dilakukan sepanjang masa tugas projek dilaksanakan. Pemberian markah dan gred keseluruhan dibuat setelah projek Prinsip Perakaunan disiapkan (Panduan Pelaksanaan dan Penilaian Projek, 2011).

### **Pernyataan Masalah**

Satu kajian awal dijalankan ke atas 21 orang pelajar Tingkatan Empat yang menjalankan kerja kursus Prinsip Perakaunan. Hasil daripada kajian yang dibuat menunjukkan bahawa 18 daripada 21 orang pelajar (85.72%) pelajar tidak menghantar kerja kursus pada tempoh yang ditetapkan. Walau bagaimanapun 2 daripada 3 orang pelajar yang menghantar kerja kursus hanya menjawab sekurang-kurangnya satu elemen yang ditaksir dalam kerja kursus tersebut. Antara masalah yang dihadapi oleh 18 orang pelajar yang tidak menghantar kerja kursus dalam melaksanakan kerja kursus ialah pelaksanaan kerja kursus adalah tidak dijalankan seiringan dengan perjalanan proses pengajaran dan pembelajaran di sekolah. Ini bermakna pentaksiran hanya dilakukan setelah topik-topik yang berkaitan dengan elemen-elemen yang ditaksir diajar kepada pelajar sepanjang proses pengajaran dan pembelajaran yang dilaksanakan di bilik darjah. Hal ini menyebabkan pelajar lupa konsep dan kandungan yang dipelajari, terutamanya konsep dan kandungan yang dipelajari pada awal tahun. Selain itu, kekangan masa juga merupakan salah satu masalah besar yang dihadapi oleh mereka untuk melaksanakan kerja kursus ini. Tempoh masa selama 8 minggu yang diberikan untuk melaksanakan kerja kursus ini adalah tidak selaras dengan keperluan kerja kursus yang merangkumi satu kitaran perakaunan yang lengkap. Pada masa yang sama, elemen-elemen pentaksiran yang berkait antara satu sama lain juga menimbulkan masalah kepada pelajar yang kurang mahir dalam bidang perakaunan. Hal ini kerana, pelajar tidak dapat beralih ke elemen yang seterusnya sekiranya elemen-elemen yang sebelumnya tidak dapat dijawab. Selain itu, kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak sekolah juga tidak mencukupi bagi melaksanakan kerja kursus ini. Kerja kursus ini sering tidak dapat dijalankan sepenuhnya di sekolah disebabkan oleh kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak sekolah adalah tidak mencukupi. Tugas projek bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan perlu dipersembahkan dalam bentuk folio dan bertaip mengikut jenis dan saiz fon yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia. Peralatan seperti komputer dan pencetak diperlukan untuk menghasilkan hasil kerja kursus ini. Walau bagaimanapun, komputer, alat pencetak, dakwat pencetak dan kertas A4 yang disediakan oleh pihak sekolah adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua pelajar untuk menyempurnakan kerja kursus dalam tempoh yang diperuntukkan.



### **Objektif Kajian**

#### **Objektif Umum**

Meneroka persepsi pelajar Tingkatan Empat terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

#### **Objektif Khusus**

1. Meneroka persepsi pelajar Tingkatan Empat terhadap tempoh masa yang diberikan untuk melaksanakan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.
2. Meneroka persepsi pelajar terhadap elemen-elemen yang ditaksir dalam Kerja Kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.
3. Meneroka persepsi pelajar tentang kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak sekolah dalam melaksanakan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

### **Metodologi**

#### **Reka Bentuk Kajian**

Reka bentuk kajian ini merupakan kajian kualitatif berbentuk kajian kes. Menurut Burn (1995) dan Merriem (1988), penggunaan reka bentuk penyelidikan kualitatif berbentuk kajian kes amat sesuai apabila sesuatu kajian melibatkan pemerhatian terhadap seseorang individu atau unit, satu kumpulan manusia, keluarga, satu kelas, sekolah, satu masyarakat, peristiwa atau budaya. Kes yang dikaji dalam kajian ini ialah pelaksanaan pentaksiran berasaskan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Kajian ini melibatkan teknik temu bual. Individu-individu yang berlainan telah ditemubual tentang persepsi dan pengalaman mereka dalam pelaksanaan pentaksiran berasaskan Kerja Kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Peruntukan masa untuk melaksanakan kerja kursus, elemen-elemen yang ditaksir dalam kerja kursus dan kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh sekolah dalam pelaksanaan kerja kursus merupakan faktor yang diberi penekanan dan dianggap mempengaruhi persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan kerja kursus.

#### **Lokasi Kajian**

Pengkaji memilih lima buah sekolah untuk menjalankan kajian ini. Sekolah yang dipilih oleh pengkaji ialah Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Laut, Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Sepat, Sekolah Menengah Kebangsaan Jugra, Sekolah Menengah Telok Datok dan Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Panglima Garang, Selangor. Sekolah-sekolah ini merupakan sekolah harian bantuan penuh kerajaan yang terletak di daerah Kuala Langat, Selangor. Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Laut dan Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjong Sepat merupakan sekolah Gred B kategori luar bandar yang masing-masing terdiri terdiri daripada 645 dan 1095 orang murid. Sekolah Menengah Jugra pula merupakan sekolah Gred A kategori luar bandar yang terdiri daripada 1715 orang murid. Manakala Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Datok merupakan sekolah Gred B kategori bandar yang terdiri daripada 915 orang murid dan Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Panglima Garang merupakan sekolah Gred A kategori bandar yang mempunyai seramai 2737 orang murid.

#### **Sampel Kajian**

Sampel bagi kajian ini merupakan sepuluh orang pelajar Tingkatan Empat yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan melaksanakan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Sampel dipilih daripada lima buah sekolah yang berbeza. Seramai dua orang sampel dipilih daripada setiap sekolah. Sampel dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Kriteria yang digunakan untuk memilih sampel untuk kajian ini ialah jantina, etnik dan pencapaian pelajar dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan di dalam Peperiksaan Pertengahan Tahun. Sampel bagi kajian ini terdiri daripada tujuh pelajar perempuan dan tiga pelajar lelaki. Bilangan sampel perempuan yang lebih ramai daripada pelajar lelaki mewakili bilangan populasi pelajar perempuan yang mengambil mata pelajaran Prinsip Perakaunan yang lebih ramai berbanding dengan pelajar lelaki di kelima-lima buah sekolah. Sepuluh sampel sahaja dipilih untuk kajian ini kerana maklum balas yang diperolehi bermula dari responden yang keenam adalah sama dengan maklumbalas yang diberikan oleh responden-responden yang seterusnya.



Dalam kata lain pengumpulan data sudah mencapai tahap tepu dengan bilangan responden seramai sepuluh orang.

### **Prosedur Kajian**

Prosedur kajian ini melibatkan beberapa tahap. Pertama, pengkaji telah menetapkan objektif bagi kajian ini. Selepas itu pengkaji telah menjalankan kajian awal untuk mendapatkan maklumat tentang pelaksanaan dan penghantaran kerja kursus Prinsip Perakaunan. Setelah itu pengkaji telah mengenalpasti masalah yang wujud dalam pelaksanaan kerja kursus dalam Prinsip Perakaunan. Seterusnya pengkaji melakukan pemilihan lokasi dan sampel kajian. Pengkaji memperolehi kebenaran dari Pengetua dan guru mata pelajaran Prinsip Perakaunan Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Laut, Sekolah Menengah Kebangsaan Tanjung Sepat, Sekolah Menengah Kebangsaan Jugra, Sekolah Menengah Telok Datok dan Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Panglima Garang, Selangor terlebih dahulu untuk menemubual sepuluh orang pelajar Tingkatan Empat.

### **Instrumen Kajian**

Instrumen yang digunakan dalam kajian ini adalah senarai soalan temu bual. Temu bual dipandu menggunakan soalan-soalan berbentuk '*open-ended*'.

### **Kesahan Instrumen**

Protokol temu bual yang digunakan dalam proses mengumpul data diperiksa dan disahkan oleh penyelia kertas projek ini yang merupakan Pensyarah di Fakulti Pengajian Pendidikan.

### **Kajian Rintis**

Kajian rintis dilakukan bagi memastikan instrumen yang bakal digunakan dapat difahami dengan jelas oleh responden sebelum kajian sebenar dijalankan. Kajian rintis bagi kajian ini dijalankan ke atas empat orang pelajar Tingkatan Empat yang menuntut di dua buah sekolah iaitu Sekolah Menengah Kebangsaan Batu Laut yang terletak di lokasi luar bandar dan Sekolah Menengah Kebangsaan Telok Panglima Garang yang terletak di kawasan bandar. Kajian rintis ini melibatkan dua orang pelajar dari setiap sekolah. Kedua-dua sekolah tersebut merupakan antara sekolah di mana kajian sebenar dijalankan.

### **Pengumpulan Data**

Kaedah pengumpulan data yang digunakan dalam kajian ini adalah kaedah kajian yang berbentuk kualitatif. Temu bual secara tidak formal yang merangkumi soalan-soalan berbentuk '*open-ended*' yang berkaitan dengan persepsi pelajar terhadap tempoh masa yang diberikan untuk melaksanakan kerja kursus, elemen-elemen yang ditaksir dalam kerja kursus dan kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak sekolah dalam menjalankan kerja kursus ini. Pengkaji meneroka persepsi pelajar terhadap pelaksanaan pentaksiran berasaskan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan melalui soalan-soalan yang dikemukakan oleh pengkaji dan bergantung kepada maklum balas sampel berdasarkan protokol temu bual yang disediakan berdasarkan tujuan dan persoalan kajian. Temu bual dijalankan pada waktu petang selepas waktu persekolahan bagi mengelakkan gangguan terhadap pembelajaran di sekolah. Responden kajian ditemu bual dalam masa selama 20 hingga 30 minit. Walaubagaimanapun, masa sebenar temu bual kajian adalah berbeza bergantung kepada respon yang diberikan oleh sampel kajian. Pengkaji juga mengemukakan soalan-soalan spontan di samping soalan yang telah disediakan. Data juga dikumpul menerusi analisis dokumen. Dokumen seperti kertas soalan tugasan projek bagi Tingkatan Empat, Panduan Pelaksanaan dan Pentaksiran Projek, Sukatan Pelajaran Prinsip Perakaunan dan Rancangan Pengajaran Tahunan bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk Tingkatan Empat dianalisis untuk mendapatkan pelbagai informasi berkaitan dengan mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan.

### **Analisis Data**

Menurut Jones (1985), analisis data kualitatif ialah suatu proses memberi makna kepada data yang diperoleh. Menurut beliau lagi, analisis data kualitatif merupakan proses



menstrukturkan data dan memberi makna yang relevan. Data diperoleh daripada sepuluh orang responden yang dipilih menggunakan persampelan bertujuan. Temu bual yang dijalankan telah dirakamkan dan diterjemahkan dalam bentuk transkrip. Bagi kajian ini, data dianalisis berdasarkan data temu bual yang telah ditranskrip secara verbatim, iaitu menggunakan perkataan atau ayat-ayat yang sebenarnya diperoleh daripada responden. Data dianalisis secara manual untuk memperoleh tema untuk kes yang dikaji. Penyelidik membentuk tema yang bersesuaian berdasarkan aspek-aspek yang digariskan dalam transkrip temu bual. Penyelidik menganalisis semula dan menapis bahan-bahan tersebut untuk mengenalpasti persamaan dalam rangkaian kata, pola, tema dan urutan-urutan umum. Bagi memastikan maklumat yang diperoleh dalam penyelidikan kualitatif lebih tepat dan sah dari segi konstruk serta boleh dipercayai, bukti daripada sumber maklumat yang berlainan adalah sangat penting. Proses mengumpul maklumat daripada pelbagai sumber yang berlainan ini dikenali sebagai proses triangulasi. Bagi kajian ini, dokumen-dokumen seperti kertas soalan tugas projek bagi Tingkatan Empat, Panduan Pelaksanaan dan Pentaksiran Projek, Sukatan Pelajaran Prinsip Perakaunan dan Rancangan Pengajaran Tahunan bagi mata pelajaran Prinsip Perakaunan untuk Tingkatan Empat dianalisis untuk mendapatkan pelbagai informasi berkaitan dengan mata pelajaran Prinsip Perakaunan dan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Data yang diperoleh dianalisis untuk memenuhi objektif umum dan objektif-objektif khusus bagi kajian ini.

### **Dapatan kajian**

Temu bual dijalankan ke atas sepuluh orang pelajar Tingkatan Empat yang telah melaksanakan kerja kursus dalam mata pelajaran prinsip perakaunan. Menurut lapan daripada sepuluh responden yang ditemubual, tempoh masa yang diberikan untuk pelaksanaan kerja kursus adalah tidak mencukupi. Menurut mereka penyediaan kerja kursus ini dalam bentuk folio yang bertaip merupakan punca utama mereka tidak berupaya menyiapkan kerja kursus ini dalam tempoh masa yang diberikan.

Selain itu elemen-elemen yang ditaksir dalam kerja kursus ini berkait antara satu sama lain. Apabila satu elemen tidak dapat dijawab, maka pelajar tidak dapat beralih ke elemen yang seterusnya. Fenomena ini mengganggu setiap tahap dalam pelaksanaan kerja kursus. Walau bagaimanapun, menurut dua orang responden berpendapat bahawa tempoh masa dua bulan untuk pelaksanaan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan adalah mencukupi. Menurut responden-responden ini kerja kursus ini dibuat di sekolah, kelas tambahan dan juga di rumah. Responden ini juga berpendapat bahawa Jadual Pelaksanaan Tugas Projek Prinsip Perakaunan boleh dijadikan panduan garis masa sewaktu melaksanakan kerja kursus.

Menurut kesemua sepuluh responden yang ditemubual, elemen-elemen yang ditaksir dalam kerja kursus ini adalah terlalu banyak dan berkait antara satu sama lain. Menurut mereka, perjalanan kerja mereka terganggu dan tidak boleh beralih ke elemen yang seterusnya sekiranya elemen yang sebelumnya tidak diselesaikan terlebih dahulu. Pada masa yang sama, empat daripada sepuluh responden yang ditemu bual menyatakan bahawa mereka telah lupa beberapa konsep dan prinsip dalam perakaunan yang perlu diaplikasi dalam pelaksanaan kerja kursus ini. Hal ini kerana, menurut mereka, kerja kursus ini tidak dilaksanakan seiringan dengan proses pengajaran dan pembelajaran, malah mula dilaksanakan setelah kandungan mata pelajaran selesai diajarkan.

Kesemua sepuluh responden memberikan pendapat yang sama bahawa pihak sekolah menyediakan semua kemudahan infrastruktur yang diperlukan untuk melaksanakan kerja kursus ini. Walau bagaimanapun, menurut mereka, peralatan seperti komputer yang disediakan adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua pelajar. Walau bagaimanapun, empat responden dari dua buah sekolah yang dikaji berpuas hati dengan kemudahan alat pencetak yang disediakan oleh pihak sekolah. Manakala enam responden dari tiga buah sekolah yang lain pula mendapati bahawa kemudahan alat pencetak yang disediakan adalah tidak mencukupi. Tambahan pula, pihak sekolah mengambil masa yang lama untuk menggantikan dakwat (*katrij*) bagi alat pencetak. Kesemua sepuluh berpuas hati dengan bekalan kertas A4 yang disediakan oleh pihak sekolah.



## **Perbincangan**

### **Tempoh masa pelaksanaan Kerja Kursus**

Dalam kajian ini, objektif pertama kajian ini adalah untuk meneroka persepsi pelajar terhadap tempoh masa yang diberikan untuk melaksanakan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Peruntukan tempoh masa yang mencukupi untuk melaksanakan kerja kursus adalah penting untuk pelajar dan guru melaksanakan proses pembelajaran dengan teratur dan berkesan. Pendapat ini adalah selaras dengan dapatan kajian Wahid dan Zawani (2009). Hasil daripada temu bual yang dibuat, lapan daripada sepuluh responden yang ditemu bual menyatakan bahawa tempoh masa dua bulan (8 minggu) yang diberikan oleh Lembaga Peperiksaan untuk melaksanakan kerja kursus ini adalah tidak mencukupi. Walau bagaimanapun, dua responden berpendapat bahawa tempoh masa lapan minggu yang diberikan untuk melaksanakan kerja kursus ini adalah mencukupi. Namun, menurut mereka pematuhan kepada garis masa yang disediakan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia dan kerja yang konsisten merupakan faktor yang penting dalam menyudahkan kerja kursus ini dalam tempoh masa yang ditetapkan. Kesimpulannya, pematuhan garis masa yang ditetapkan oleh Lembaga Peperiksaan Malaysia (LPM) dan kerja yang konsisten adalah penting untuk menyudahkan kerja kursus Prinsip Perakaunan tepat pada waktunya. Di samping itu, peruntukan tempoh masa yang sistematik dari pihak atasan diperlukan agar proses pembelajaran dapat dijalankan dengan teratur dan berkesan.

### **Elemen-elemen yang ditaksir dalam Kerja Kursus**

Objektif kedua kajian ini adalah untuk meneroka persepsi pelajar terhadap elemen-elemen yang ditaksir dalam kerja kursus Prinsip Perakaunan. Kesemua sepuluh responden yang ditemubual berpendapat bahawa elemen-elemen yang ditaksir dalam kerja kursus Prinsip Perakaunan adalah terlalu banyak. Selain itu, responden-responden ini juga berpendapat bahawa elemen-elemen yang ditaksir dalam kerja kursus ini berkait antara satu sama lain. Menurut responden-responden ini, mereka tidak boleh beralih ke elemen yang lain, sekiranya elemen yang sebelumnya tidak dapat diselesaikan.

Oleh itu, pentaksiran bagi setiap elemen harus dilakukan secara formatif atau berterusan di setiap peringkat kerja kursus. Pentaksiran yang berterusan ini dapat memberi maklum balas dengan segera dan membimbing pelajar untuk beralih ke elemen yang seterusnya. Pentaksiran seperti ini dapat membantu pelajar mengingati setiap konsep yang dipelajari kerana mereka dapat peneguhan yang serta merta semasa melakukan kerja kursus. Pentaksiran yang berterusan ini boleh mengurangkan masalah pelajar tidak melaksanakan kerja kursus kerana tidak berupaya menjawab mana-mana elemen dalam kerja kursus ini sehingga mengganggu pelaksanaan kerja kursus secara keseluruhan.

Menurut Ee Ah Meng (1990), penyusunan setiap langkah pengajaran diperlukan untuk menjamin proses pengajaran dan pembelajaran mengikut masa yang ditetapkan. Penyusunan aktiviti pembelajaran yang diselaraskan dengan pentaksiran yang berterusan diperlukan agar pembelajaran dapat dicapai pada tahap yang maksimum. Aktiviti pembelajaran yang mendapat pengukuhan menerusi pentaksiran yang berterusan berupaya membantu pelajar menyudahkan kerja kursus dalam tempoh masa yang ditetapkan.

### **Kemudahan-kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak sekolah.**

Objektif ketiga kajian ini adalah untuk meneroka persepsi pelajar tentang kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak sekolah untuk melaksanakan kerja kursus Prinsip Perakaunan. Kajian lepas tentang persepsi pelajar terhadap peralatan dan kemudahan infrastruktur yang disediakan oleh pihak sekolah untuk melaksanakan kerja kursus pernah dilakukan oleh Qistina & Zunaida (2009). Menurut mereka, peralatan dan bahan ini juga memainkan peranan penting dalam pelaksanaan kerja kursus di sekolah. Kekurangan peralatan dan bahan ini boleh juga menyebabkan pembaziran masa pelajar. Kekurangan peralatan ini juga boleh menimbulkan rasa bosan atau kurang minat dalam diri pelajar terhadap mata pelajaran tersebut. Menurut pengkaji-pengkaji ini, bila wujud rasa bosan maka hasil kerja yang dibuat sudah tentu tidak menepati sasaran yang diharapkan. Kemudahan infrastruktur yang diperlukan untuk melaksanakan kerja kursus ini ialah komputer, alat pencetak, dakwat pencetak dan kertas A4.



Kesemua sepuluh responden yang ditemubual bersetuju bahawa pihak sekolah menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur seperti komputer, alat pencetak, dakwat pencetak dan kertas A4 untuk pelaksanaan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Walaupun pihak sekolah menyediakan kemudahan-kemudahan infrastruktur ini bagi kegunaan pelajar, namun lima orang responden dari sekolah yang sama berpendapat bahawa kemudahan-kemudahan yang disediakan ini tidak mencukupi bagi menampung keperluan semua pelajar. Menurut kelima-lima responden ini lagi, penggunaan makmal komputer juga adalah terhad. Menurut responden-responden ini, makmal komputer tidak dapat digunakan sewaktu ketiadaan guru mata pelajaran. Di samping itu, makmal komputer juga ditutup sewaktu ketiadaan pembantu makmal komputer. Pihak sekolah menyediakan sebuah alat pencetak untuk tujuan mencetak kerja kursus Prinsip Perakaunan. Kelima-lima responden juga berpendapat bahawa kemudahan alat pencetak dan katrij (dakwat pencetak) yang disediakan oleh pihak sekolah juga tidak mencukupi untuk menampung kegunaan semua pelajar. Menurut seorang responden, pihak sekolah akan mengambil masa yang lama untuk menggantikan katrij pencetak. Walau bagaimanapun, kelima-lima responden berpuas hati dengan bekalan kertas A4 yang disediakan oleh pihak sekolah. Manakala menurut responden-responden dari sekolah yang berbeza pula, kemudahan komputer yang disediakan oleh pihak sekolah adalah tidak mencukupi untuk menampung keperluan semua pelajar. Walau bagaimanapun responden-responden berpuas hati dengan kemudahan alat pencetak dan bekalan kertas A4 yang disediakan oleh pihak sekolah bagi melaksanakan kerja kursus ini. Kesimpulannya, peralatan dan kemudahan infrastruktur adalah penting untuk memastikan pelaksanaan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan berjalan lancar. Selain mencapai ketiga-tiga objektif yang dinyatakan di atas, kajian ini juga memberi informasi tentang masalah-masalah yang dihadapi oleh pelajar dalam pelaksanaan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan. Antaranya ialah bimbingan yang diberi oleh guru adalah tidak mencukupi pada setiap peringkat pelaksanaan kerja kursus dan penggantian dakwat pencetak yang mengambil masa yang lama dan halangan-halangan yang wujud dalam penggunaan makmal komputer sekolah dan kurang keutamaan diberikan kepada pelaksanaan kerja kursus dalam mata pelajaran Prinsip Perakaunan berbanding dengan kerja kursus bagi mata pelajaran-mata pelajaran lain seperti ICT.

### **Bibliografi**

- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2002). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah* (2002).
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2005). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah* (2005).
- Bahagian Perancangan dan Penyelidikan Dasar Pendidikan (2006). *Pelan Induk Pembangunan Pendidikan (2006)*
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2009). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah* (2009).
- Bahagian Pembangunan Kurikulum, Kementerian Pelajaran Malaysia (2010). *Sukatan Pelajaran Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah* (2010).
- Burns, R.B (1995) *Introduction to research method* . Melbourne: Longman
- Ee Ah Meng (1990). *“Pedagogi Satu Pendekatan Bersepadu.”* Petaling Jaya: Penerbit Fajar Bakti.
- Jones, S (1985).The analysis of depth interviews.In R. Walker (Ed). *Applied qualitative research* (pp.56-70).Andershot (Hants):Gower.
- Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Prinsip Perakaunan 2012 , Tugas Projek, Kertas 3, Ogos Hingga September 2011* (2011). Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia (2011). *Panduan Pelaksanaan Dan Penilaian Projek Prinsip Perakaunan Kertas 3, Ogos Hingga September 2011* (2011). Lembaga Peperiksaan, Kementerian Pelajaran Malaysia.
- Nur Qistina Bt Abdullah (2009) . *‘Meninjau Perlaksanaan Kerja Kursus Kemahiran Hidup Pilihan Ekonomi Rumah Tangga Di Kalangan Pelajar Tingkatan Satu Dan Tingkatan Dua Di Sekolah Menengah Selayang Baru, Selangor’*.Universiti Teknologi Malaysia, Johor.



- Merriem, SB (1998). *Case Study research in education : A qualitative approach*. San Francisco, CA Jossey-Bass
- Zawani Binti Mohamed (2009). *Persepsi Pelajar Tingkatan Dua Terhadap Pelaksanaan Projek Kerja Kursus Dalam Mata Pelajaran Kemahiran Hidup Bersepadu (Ekonomi Rumah Tangga) Di Sekolah Daerah Manjung, Perak*. Laporan Projek Ijazah Sarjana Muda. Fakulti Pendidikan. Universiti Teknologi Malaysia.